



KEMENTERIAN PENGANGKUTAN
MALAYSIA

SIARAN MEDIA MENTERI PENGANGKUTAN MALAYSIA

PENARAFAN KATEGORI 1 DI BAWAH IASA OLEH FAA AMERIKA SYARIKAT

Pada November 2019, Pentadbiran Penerbangan Persekutuan (FAA) Amerika Syarikat (AS) telah mengumumkan bahawa Malaysia telah diberikan penarafan Kategori 2 di bawah program Penilaian Keselamatan Penerbangan Antarabangsa (IASA) kerana ketidakpatuhan piawaian keselamatan Pertubuhan Penerbangan Awam Antarabangsa (ICAO). Ini selepas penilaian semula ke atas pihak berkuasa penerbangan awam negara telah dibuat pada awal tahun itu.

Dalam pelaksanaan program IASA, FAA menilai pihak berkuasa penerbangan awam semua negara dengan syarikat penerbangan yang menjalankan penerbangan ke AS atau mengambil bahagian dalam pengaturan perkongsian kod dengan syarikat penerbangan rakan kongsi AS. Penilaian ini akan menentukan sama ada pihak berkuasa penerbangan awam negara tersebut mematuhi piawaian keselamatan ICAO atau sebaliknya.

Penarafan Kategori 1 bermakna pihak berkuasa penerbangan awam negara itu mematuhi piawaian ICAO. Dengan penarafan IASA Kategori 1, syarikat penerbangan negara boleh mewujudkan perkhidmatan ke Amerika Syarikat dan membawa kod syarikat penerbangan AS. Untuk mengekalkan penarafan Kategori 1, sesebuah negara mesti mematuhi piawaian keselamatan ICAO. Sementara itu, penarafan Kategori 2 bermakna negara tersebut memiliki kekurangan sama ada dari aspek peraturan yang diperlukan untuk mengawasi syarikat penerbangan mengikut piawaian ditetapkan, atau pihak berkuasa penerbangan awam di negara tersebut memiliki kekurangan bidang yang diperlukan seperti kepakaran teknikal, kakitangan terlatih, rekod penyimpanan atau pun prosedur pemeriksaan keselamatan.

Penilaian pada 2019 mendapati Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia (CAAM) mempunyai 58 dapatan di mana 25 daripadanya dapat diselesaikan manakala 33 masih belum ditutup. 33 dapatan ini menyebabkan Malaysia diturunkan taraf kepada Kategori 2 di bawah IASA.





KEMENTERIAN PENGANGKUTAN
MALAYSIA

Keputusan penurunan taraf telah diambil secara membina, dan langkah-langkah telah diambil untuk membuat perubahan serius pada struktur dan operasi CAAM ketika itu. Pasukan petugas, terdiri daripada kakitangan teknikal yang berkelayakan dan pakar industri penerbangan, yang dibentuk oleh Kementerian Pengangkutan Malaysia (MOT) mula membantu dalam menyelesaikan 33 dapatan tersebut.

Pada tahun 2020, untuk meningkatkan tahap penyelesaian dapatan tersebut, saya telah melantik Tan Sri Mohd Khairul Adib sebagai Pengerusi baharu dan Datuk Kapten Chester Voo sebagai Ketua Pegawai Eksekutif untuk menerajui transformasi CAAM bagi tujuan mengukuhkan organisasi dan mendapatkan semula Kategori 1.

Dua tahun yang lalu merupakan tempoh yang penting bagi CAAM kerana keseluruhan organisasi telah disusun semula sementara pelbagai usaha telah dijalankan untuk mengukuhkan tenaga kerjanya, dokumentasi dan membangunkan dasar latihan yang komprehensif untuk pemeriksa bagi memastikan pengawasan keselamatan yang berkesan dijalankan untuk industri penerbangan. Transformasi yang menyeluruh berlaku dalam CAAM di bawah kepimpinan baharu ini untuk mengurus pengoperasian dan pengawalseliaan dengan lebih baik.

Pada tahun 2021, pasukan FAA kembali untuk penilaian semula dan saya berbesar hati untuk berkongsi bahawa mereka kagum dengan perubahan yang telah CAAM lakukan dalam masa hanya 2 tahun sahaja. Daripada penilaian baharu ini yang dilaksanakan pada bulan Disember, terdapat 29 dapatan secara keseluruhannya. 33 dapatan pada 2019 sebelum ini juga tidak timbul lagi.

Datuk Kapten Chester dan pasukannya segera memulakan tindakan pembetulan untuk menyelesaikan 29 dapatan tersebut dalam tempoh singkat 6 bulan. Menjelang pertengahan Julai 2022, FAA sekali lagi kembali untuk penilaian semula dan CAAM telah menyelesaikan semua 29 dapatan, dan semua pelan tindakan pembetulan telah berjaya ditutup.

Sukacita diumumkan pada hari ini, FAA secara rasminya telah mengumumkan bahawa Malaysia telah memperoleh semula Kategori 1 penarafan IASA. Syabas buat seluruh warga CAAM atas usaha gigih dan komitmen terhadap kejayaan yang amat membanggakan ini.





KEMENTERIAN PENGANGKUTAN
MALAYSIA

US FAA REINSTATES MALAYSIA'S INTERNATIONAL AVIATION SAFETY ASSESSMENT (IASA) TO CATEGORY 1

In November 2019, the United States Federal Aviation Administration (FAA) announced that Malaysia was assigned to Category 2 rating under the International Aviation Safety Assessment (IASA) program due to non-compliance with the International Civil Aviation Organization (ICAO) safety standards after a reassessment of the country's civil aviation authority was made earlier that year.

As part of the IASA program, FAA assesses civil aviation authorities of all countries with air carriers that conduct flights to the United States or participate in code-sharing arrangements with U.S. partner airlines. The assessments determine whether or not foreign civil aviation authorities comply with ICAO safety standards.

A Category 1 rating means the country's civil aviation authority complies with ICAO standards. With an IASA Category 1 rating, a country's air carriers can establish service to the United States and carry the code of U.S. carriers. To maintain a Category 1 rating, a country must adhere to the safety standards of ICAO. Meanwhile, a Category 2 rating means that the country either lacks laws or regulations necessary to oversee air carriers in accordance with minimum international standards, or its civil aviation authority is deficient in one or more areas, such as technical expertise, trained personnel, record-keeping, or inspection procedures.

The assessment in 2019 found that CAAM had 58 findings of which 25 were able to be resolved while 33 remained open. These 33 findings resulted in a downgrading of Malaysia to Category 2 under the IASA.

The result of the downgrade was taken constructively, and steps were taken to make serious changes to CAAM's structure and operations then. A task force, consisting of qualified technical personnel and aviation industry experts, formed by the Ministry of Transport began to assist in resolving these 33 findings.





KEMENTERIAN PENGANGKUTAN
MALAYSIA

In 2020 in order to move up the pace of resolving those findings, I appointed Tan Sri Mohd Khairul Adib as the new Chairman and Datuk Captain Chester Voo as the CEO to spearhead the transformation of CAAM for the purpose of strengthening the organisation and regaining Category 1. The past two years have been a crucial period for CAAM as the whole organisation was restructured while various efforts were carried out to strengthen its workforce, documentation, and developing comprehensive training policy for the inspectors to ensure effective safety oversight is carried out for the civil aviation industry. An extensive transformation took place in CAAM under this new leadership to better manage operational and regulatory complexities.

In 2021, the FAA team came back for a full reassessment, and I am pleased to share that they were impressed with how much CAAM had transformed in just 2 years' time. From this new assessment that took place in December, there were 29 findings in total. The 33 findings that were picked up in 2019 did not reoccur.

Datuk Captain Chester and his team immediately started work on the corrective actions to resolve these 29 findings in the short span of 6 months. By mid-July 2022, the FAA returned for a reassessment and CAAM had completed all responses for the 29 findings, and all corrective action plans were closed.

We are very pleased to share that today, the FAA has officially announced Malaysia has regained Category 1 of the IASA rating and for this extremely proud achievement, I applaud everyone at CAAM for their tireless effort and commitment to this success.

DATUK SERI IR. DR. WEE KA SIONG
MENTERI PENGANGKUTAN MALAYSIA
1 OKTOBER 2022

-TAMAT-

Pertanyaan Media

Hotline 1800-88-7723

Faks +603 8892 0208

E-mel aduan@mot.gov.my





KRONOLOGI

2019:

- Pada bulan April, FAA telah menjalankan penilaian ke atas Malaysia di bawah program IASA. Hasilnya, FAA menyenaraikan 58 dapatan.
- Semasa penilaian semula pada Julai, 25 dapatan telah diselesaikan oleh CAAM manakala 33 masih belum ditutup. Pada November, FAA mengumumkan bahawa penarafan keselamatan IASA untuk Malaysia telah diturun taraf kepada Kategori 2.
- Kementerian Pengangkutan kemudiannya membentuk Pasukan Petugas yang terdiri daripada kakitangan teknikal bertauliah untuk membantu menyelesaikan 33 dapatan tersebut.

2020:

- Menteri Pengangkutan, YB Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong mengumumkan pelantikan Pengerusi dan Ketua Pegawai Eksekutif baharu untuk CAAM serta memberi mandat kepada transformasi dan penambahbaikan lengkap keseluruhan CAAM.
- Selepas 18 bulan transformasi yang berdedikasi dengan sokongan penuh daripada Kementerian Pengangkutan dan CAAM, rombakan penuh dilaksanakan untuk mematuhi piawaian keselamatan ICAO.

2021:

- Pada 6 hingga 10 Disember, FAA telah menjalankan penilaian IASA penuh ke atas CAAM yang merangkumi semua 8 Elemen Kritikal, terdiri daripada 301 Soalan Protokol untuk memastikan pengawasan keselamatan penerbangan yang berkesan. Daripada penilaian ini, terdapat 29 dapatan secara keseluruhannya.

2022:

- Pada 12 hingga 14 Julai, FAA telah menjalankan penilaian semula terhadap 29 dapatan. Pada 25 Julai, CAAM telah menyelesaikan semua maklum balas untuk 29 dapatan dan semua pelan tindakan pembetulan telah diterima.
- Pada 30 September, FAA mengumumkan penarafan Kategori 1 keselamatan IASA kepada Malaysia.





CHRONOLOGY

2019:

- In April, the FAA conducted an assessment on Malaysia under the IASA program. As a result, FAA listed 58 findings.
- During the reassessment in July, 25 findings were resolved by CAAM while 33 remained open. In November, FAA announced that Malaysia was downgraded to Category 2 IASA safety rating.
- The Ministry of Transport then formed a Task Force that consists of qualified technical personnel to assist in resolving the 33 findings.

2020:

- YB Datuk Seri Wee Ka Siong, Minister of Transport announced the appointment of a new Chairman and CEO for CAAM and mandated a transformation and complete enhancement of the whole CAAM.
- After 18 months of dedicated transformation with full support from the Ministry of Transport and CAAM Authority Members, CAAM completed a full revamp to be in compliance with ICAO safety standards.

2021:

- On the 6th to 10th December, FAA conducted a full IASA assessment on CAAM that covered all 8 Critical Elements comprising of 301 Protocol Questions to ensure effective aviation safety oversight. From this assessment, there were 29 findings in total.

2022:

- On 12th to 14th July, FAA conducted a reassessment on the 29 findings. On the 25th July, CAAM had completed all responses for the 29 findings and all corrective action plans were accepted.
- On 30th September, FAA announced Category 1 of IASA safety rating to Malaysia.

